YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

4. Senaraikan jumlah masjid, surau dan rumah ibadat yang telah dirosakkan dan jenis kerosakan yang ditimbulkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab pada tahun 2023 dan 2024.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Menurut Seksyen 99 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang (pindaan) 2023, menetapkan bahawa Majlis hendaklah memastikan bahawa semua masjid dan surau dalam Negeri Pulau Pinang berada dalam keadaan baik yang sepatutnya dan bahawa kawasannya diselenggara dalam keadaan bersih yang sepatutnya.

Lanjutan itu, menurut Seksyen 99 (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang (pindaan) 2023 pula menyatakan bahawa Jawatankuasa Kariah hendaklah segera memaklumkan pihak Majlis tentang apa-apa keadaan yang memerlukan pembaikan dalam masjid serta suraunya dan hendaklah memeriksa serta mengawasi mana-mana pembaikan itu sebagai ejen bagi pihak Majlis.

Berdasarkan rekod, pada tahun 2023 dan 2024 tiada masjid, surau dan rumah ibadat yang dilapor telah dirosakkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

5. Mohon maklumat tentang jumlah notis gangguan berjadual dan tidak berjadual gangguan bekalan air mengikut daerah di Pulau Pinang.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Maklumat tentang jumlah notis gangguan berjadual dan tidak berjadual gangguan bekalan air mengikut daerah di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (a) Jumlah notis gangguan berjadual mengikut daerah di Pulau Pinang pada Tahun 2024 adalah sebanyak 34 notis manakala bagi Tahun 2025 adalah sebanyak 8 notis sehingga April tahun ini.

Daerah	Jan-Dis 2024	Jan - Apr 2025
DBD	7	1
DTL	7	1
SPS	11	3
SPT	7	1
SPU	2	2
Jumlah	34	8

- (b) Jumlah notis gangguan tidak berjadual mengikut daerah di Pulau Pinang bagi Tahun 2024 adalah sebanyak 1013 notis manakala bagi Tahun 2025 adalah sebanyak 213 notis sehingga April tahun ini.

Daerah	Jan-Dis 2024	Jan-Apr 2025
DBD	209	38
DTL	155	26
SPS	202	61
SPT	191	20
SPU	256	68
Jumlah	1013	213

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

6. Bolehkah lawatan-lawatan kerja ke luar negara oleh EXCO dan Kerajaan Negeri dibiayai sepenuhnya atau sebahagiannya oleh syarikat swasta? Nyatakan jika ada syarikat swasta yang terlibat dalam perkara ini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

6. Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang tiada halangan sekiranya lawatan-lawatan kerja ke luar negara oleh EXCO dan Kerajaan Negeri dibiayai sepenuhnya atau sebahagiannya oleh syarikat swasta. Walau bagaimanapun, perkara ini tertakluk kepada kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bagi EXCO manakala kelulusan Pegawai Pengawal bagi penjawat awam. Lawatan kerja ke luar negara oleh EXCO dan Kerajaan Negeri yang dibiayai oleh syarikat swasta dari tahun 2024 hingga April 2025 adalah seperti berikut:

PERKARA	TARIKH	SYARIKAT PENAJA
Lawatan kerja teknikal ke kilang pengeluar sistem kereta kabel Doppelmayr Cable Car GmbH dan pengeluar komponen lain sistem kereta kabel di Austria dan Switzerland bagi projek kereta kabel Bukit Bendera	21 hingga 25 April 2024	Hartasuma Sdn. Bhd.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

7. Senaraikan jumlah kilang dan syarikat yang ditutup, berhenti operasi dan jumlah pekerja yang terlibat diberhentikan pada tahun 2023 dan 2024 di Pulau Pinang.

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang, jumlah kilang dan syarikat yang ditutup serta berhenti operasi pada tahun 2023 adalah berjumlah 42 majikan yang melibatkan 9,820 pekerja diberhentikan kerja. Manakala bagi tahun 2024, sebanyak 51 majikan yang terlibat meliputi 7,674 pekerja yang diberhentikan kerja.

Perincian jumlah majikan, pekerja dan skop bidang yang terlibat adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

JUMLAH KILANG DAN SYARIKAT YANG DITUTUP, BERHENTI OPERASI DAN JUMLAH PEKERJA YANG TERLIBAT DIBERHENTIKAN PADA TAHUN 2023 DAN 2024 DI PULAU PINANG.

SEKTOR <i>MALAYSIA STANDARD INDUSTRIAL CLASSIFICATION</i> (MSIC)	2023		2024	
	BIL. MAJIKAN	BIL. PEKERJA TERLIBAT	BIL. MAJIKAN	BIL. PEKERJA TERLIBAT
C - Pembuatan	14	9,365	13	5,152
D - Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	1	64	0	0
E - Bekalan air, pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	2	8	0	0
F - Pembinaan	2	17	2	20
G - Perdagangan borong dan runcit, dan pembaikan kenderaan bermotor	10	290	13	133
H - Pengangkutan dan penyimpanan	3	15	3	4
I - Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	2	18	5	21
J - Maklumat dan komunikasi	2	15	5	73
K - Aktiviti kewangan dan insuran/takaful	0	0	1	75
M - Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	2	8	0	0
N - Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	0	0	2	8
Q - Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	3	14	3	21
S - Aktiviti perkhidmatan lain	1	6	4	2,167
JUMLAH KESELURUHAN	42	9,820	51	7,674

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

8. Senaraikan kawasan-kawasan di dalam sektor pelancongan warisan ketara dan warisan tidak ketara yang mendapat pengiktirafan di Pulau Pinang.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Pengiktirafan warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara di peringkat antarabangsa diberikan oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO). Senarai warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara yang telah diiktiraf oleh UNESCO di Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Pengiktirafan warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara di peringkat kebangsaan diberikan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Senarai warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara yang telah diiktiraf di bawah Akta 645 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

Manakala, pengiktirafan warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara di peringkat negeri adalah di bawah Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 (Enakmen 14). Pada masa kini sebanyak 41 pencalonan warisan kebudayaan ketara dan 34 pencalonan warisan kebudayaan tidak ketara telah diterima oleh Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri untuk diwartakan di bawah Enakmen 14. Pencalonan ini masih dalam proses penilaian sama ada ianya memenuhi kriteria warisan kebudayaan ketara dan warisan kebudayaan tidak ketara di bawah Peraturan-peraturan Warisan Negeri Pulau Pinang 2016.

LAMPIRAN A**A1 WARISAN KEBUDAYAAN KETARA DI PULAU PINANG YANG TELAH
DIIKTIRAFKAN SEBAGAI WARISAN OLEH UNESCO**

BIL.	TAPAK	KATEGORI	TAHUN WARTA
1.	Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town	Budaya	7 Julai 2008
2.	Tapak Rizab Biosfera Bukit Bendera di bawah Program <i>Man & The Biosphere</i> (MAB)	Alam Semulajadi	15 September 2021

**A2 WARISAN KEBUDAYAAN TIDAK KETARA DI PULAU PINANG YANG TELAH
DIIKTIRAFKAN SEBAGAI WARISAN OLEH UNESCO**

BIL.	ITEM	KATEGORI	TAHUN WARTA
1.	Dondang Sayang	<i>The Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity</i>	1 Disember 2018
2.	Silat	<i>The Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity</i>	14 Disember 2019
3.	Pantun (Pencalonan bersama Malaysia dan Indonesia)	<i>The Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity</i>	18 Disember 2020
4.	Budaya Sarapan di Malaysia: Pengalaman Menjamu Selera Masyarakat Pelbagai Etnik	<i>The Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity</i>	6 Disember 2024

5.	Kebaya: Pengetahuan, kemahiran, tradisi dan amalan (Pencalonan bersama Brunei Darussalam, Indonesia, Singapura, Malaysia dan Thailand)	<i>The Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity</i>	4 Disember 2024
----	--	--	-----------------

B1 WARISAN KEBUDAYAAN KETARA DI PULAU PINANG YANG TELAH DIKTIIRAFKAN SEBAGAI WARISAN KEBANGSAAN DAN WARISAN DI BAWAH AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005 (AKTA 645)

BIL.	ITEM	KATEGORI	LOKASI
1.	Gereja St. George	Warisan Kebangsaan	No.1, Lebuah Farquhar George Town Pulau Pinang
2.	Masjid Melayu Leboh Acheh	Warisan Kebangsaan	Lebuah Acheh George Town 10200 Pulau Pinang
3.	Masjid Kapitan Keling	Warisan Kebangsaan	Jalan Masjid Kapitan Keling George Town 10200 Pulau Pinang
4.	Leong San Tong Khoo Kongsi	Warisan Kebangsaan	18, Lebuah Cannon George Town 10200 Pulau Pinang
5.	Mahkamah Tinggi Pulau Pinang	Warisan Kebangsaan	Lebuah Farquhar George Town 10200 Pulau Pinang
6.	Penang Free School	Warisan Kebangsaan	Jalan Masjid Negeri 11600 Jelutong Pulau Pinang
7.	Bangunan Lembaga Muzium Pulau Pinang	Warisan	Lebuah Farquhar George Town 10200 Pulau Pinang
8.	Bangunan Municipal (Dewan Bandaran Pulau Pinang)	Warisan	Jalan Padang Kota Lama George Town 10200 Pulau Pinang
9.	Menara Jam Besar	Warisan	Lebuah Light, George Town 10450 Pulau Pinang
10.	Makam Sheikh Omar	Warisan	Jalan Kampung Melayu Kampung Melayu Ayer Itam 11500 Pulau Pinang

B2 WARISAN KEBUDAYAAN TIDAK KETARA DI PULAU PINANG YANG TELAH DIKTIKRAFKAN SEBAGAI WARISAN DI BAWAH AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005 (AKTA 645)

BIL.	NAMA TOKOH / ITEM	KATEGORI	BIDANG / KLASIFIKASI
1.	Encik Mohd Bahroodin Ahmad <i>*telah meninggal dunia pada 28/6/2008</i>	Warisan Orang Hidup (WAKOH)	Bangsawan, Boria, Ronggeng dan Kebudayaan Baba dan Nyonya Pulau Pinang
2.	Haji Abu Bakar Bin Jaafar <i>*telah meninggal dunia pada 27/7/2008</i>	WAKOH	Boria
3.	Encik Omar Bin Md Hashim	WAKOH	Boria
4.	Bangsawan	Objek	Seni Persembahan (Kesenian)
5.	Boria	Objek	Seni Persembahan (Kesenian)
6.	Chingay	Objek	Seni Persembahan (Kesenian)
7.	Ghazal	Objek	Seni Persembahan (Kesenian)
8.	Silambam	Objek	Pertahanan Diri
9.	Mi Mamak	Objek	Makanan
10.	Laksa Asam	Objek	Makanan

BIL.	NAMA TOKOH / ITEM	KATEGORI	BIDANG / KLASIFIKASI
11.	Char Kuay Teow Pulau Pinang	Objek	Makanan
12.	Kurma Daging	Objek	Makanan
13.	Teh Tarik	Objek	Makanan
14.	Cendol	Objek	Makanan
15.	Halwa Sukun	Objek	Makanan
16.	Yong Tau Foo	Objek	Makanan
17.	Bubur Cha-cha	Objek	Makanan
18.	Pulut Tekan Dengan Seri Kaya	Objek	Makanan
19.	Popia	Objek	Makanan
20.	Pie Tee	Objek	Makanan
21.	Choonpiah	Objek	Makanan
22.	Kari Kapitan	Objek	Makanan

BIL.	NAMA TOKOH / ITEM	KATEGORI	BIDANG / KLASIFIKASI
23.	Ayam Pong Teh	Objek	Makanan
24.	Ayam Masak Buah Keluak	Objek	Makanan
25.	Gerang Asam	Objek	Makanan
26.	Ambila	Objek	Makanan
27.	Inche Kabin	Objek	Makanan
28.	Kari Dabel	Objek	Makanan
29.	Sup Tulang	Objek	Makanan
30.	Ais Kepala	Objek	Makanan
31.	Kuih Ros	Objek	Makanan
32.	Kuih Bangkit	Objek	Makanan
33.	Kasui	Objek	Makanan

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

9. Berapa banyakkah pertandingan liga bola sepak, badminton, sepak takraw dan aktiviti sukan yang lain diadakan sepanjang tahun 2023 dan 2024 mengikut daerah?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Maklumat penganjuran pertandingan / kejohanan di daerah-daerah Negeri Pulau Pinang untuk tahun 2023 dan 2024 sebagaimana yang dilaporkan oleh Persatuan Sukan Negeri adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A

SENARAI KEJOHANAN YANG DIANJURKAN OLEH PERSATUAN SUKAN DI DAERAH (2023 - 2024)

BIL	SUKAN	TID/KEJOHANAN	NAMA PROGRAM	DAERAH
1	Badminton	Pencarian Bakat	Tiada	
		Kejohanan	Yonex - Sunrise PBA U12 & 16 Individu Badminton Tahun 2024 (Siri 1)	Timur Laut
			Yonex - Sunrise PBA U12 & 16 Individu Badminton Tahun 2024 (Siri 2)	Timur Laut
			Yonex - Sunrise PBA U12 & 16 Individu Badminton Tahun 2024 (Siri 3)	Timur Laut
			100 Plus Kebangsaan Berpasukan Antara Negeri 2024 (Timur Laut)	Timur Laut
2	E-Sport	Pencarian Bakat	Tiada	
		Kejohanan	Penang E-Sport Festival 2024 Peringkat Negeri Pulau Pinang	Seberang Perai Utara
3	Floorball	Pencarian Bakat	Tiada	
		Kejohanan	Penang Floorball League 2024	Timur Laut dan Barat Daya
			Penang Woman's Floorball Cup 2024	Timur Laut
			Penang Floorball Development Cup 2024	Timur Laut
			Kejohanan Floorball Sekolah Malaysia 2024	Timur Laut
4	Hoki	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat USM	Barat Daya
			Pencarian Bakat USM	Timur Laut
			Pencarian Bakat USM	Timur Laut
			Pencarian Bakat BERTAM	Seberang Perai Utara
			Pencarian Bakat BERTAM	Seberang Perai tengah
			Pencarian Bakat Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Impian	Seberang Perai Selatan
		Kejohanan	Pertandingan Hoki 9 Piala Datuk Bandar	Seberang Perai Utara
			Hoki Liga Remaja Kebangsaan Div 1 & 2 2024	Seberang Perai Utara
			Jaguh Malaysia MILO Youth Hockey Club	Seberang Perai Utara
5	Renang	Pencarian Bakat	Spice Akuatik Bayan Baru	Timur Laut dan Barat Daya
			Kompleks Sukan MBPP (Relau) - Terjun	Barat Daya
		Kejohanan	Pertandingan Dalaman CSC TID Navis	Timur Laut
			59th PASA State Age Group Swimming Championship 2024	Timur Laut
			2nd Penang Invitational Swimming Championship 2024	Timur Laut

6	Wushu	Pencarian Bakat	Klinik Wushu Sekolah Rendah Pulau Pinang	Barat Daya
			Klinik Wushu Sekolah Rendah Pulau Pinang	Seberang Perai Utara
			Klinik Sanda Bukit Mertajam	Seberang Perai tengah
			Klinik Wushu Sekolah Rendah Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan
		Kejohanan	Kejohanan Wushu Antarabangsa ke-4	Timur Laut
			Kejohanan Wushu Remaja Kebangsaan	Timur Laut
			Kejohanan Sanda Negeri Pulau Pinang	Timur Laut
			Kejohanan Wushu, Tarian Singa dan Naga Negeri Pulau Pinang ke-21	Seberang Perai Utara
		Kejohanan Wushu Antara Sekolah-Sekolah 2024	Barat Daya	
7	Stacking	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
			Pencarian Bakat Daerah	Barat Daya
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Utara
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Selatan
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai tengah
		Kejohanan	WSSA 2024 1st Avenue Open Sport Stacking Championship	Timur Laut
			WSSA 2024 Penang Sport Stacking Day	Timur Laut
			Merdeka Sport Stacking Challenge	Timur Laut
			Pertandingan Sukan Stacking Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2024	Barat Daya
			Pertandingan Sukan Stacking Sekolah Pulau Pinang Tahun 2024	Barat Daya
8	Gimnastik	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
			Pencarian Bakat Daerah	Barat Daya
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Utara
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Selatan
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai tengah
		Kejohanan	Kejohanan Penang Junior Gimnastik Artistik	Timur Laut
			Kejohanan Penang Junior Gimnastik Artistik	Timur Laut
			Kejohanan Penang Junior Gimnastik Artistik	Timur Laut
			Kejohanan Inter-Club Gimnastik Artistik Tahun 2024	Timur Laut
9	Bola Sepak	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	
		Kejohanan	Kejohanan Street Soccer Madani Rakyat 2024	Timur Laut
10	Bola Tampar	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	
		Kejohanan	Kejohanan Bola Tampar Remaja Bawah 14 Pulau Pinang	Timur Laut
			Kejohanan Bola Tampar Remaja Bawah 16 Pulau Pinang	Timur Laut

11	Catur	Pencarian Bakat	Penang Age Group Championship 2024 Under 7	Timur Laut
			Penang Age Group Championship 2024 Under 9	Timur Laut
			Penang Age Group Championship Under 11	Timur Laut
		Kejohanan	Pertandingan Catur Bakat BM Pulau Pinang 2024	Timur Laut
			Penang Chess Festival 2023	Timur Laut
			Eastern Asia Youth Chess Championship 2024	Timur Laut
			Penang Closed Chess Tournament	Timur Laut
PCA -1st Avenue Rapid Class 2024	Timur Laut			
12	Sepaktakraw	Pencarian Bakat	Tiada	
		Kejohanan	Kejohanan Sepaktakraw Liga Sukan Komuniti Peringkat Negeri	Timur Laut
			Kejohanan Sepaktakraw All Program Telekom Malaysia Kebangsaan	Timur Laut
			Kejohanan Sepaktakraw Terbuka Remaja Piala Pulau Pinang	Seberang Perai Utara
			Kejohanan Sepaktakraw Inerstate Penjara Malaysia Kebangsaan	Timur Laut
Kem Sukan Maysia 2024	Seberang Perai Selatan			
13	Silambam	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Selatan
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Selatan
		Kejohanan	Tiada	
14	Angkat Berat	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai tengah
		Kejohanan	Tiada	
15	Berbasikal	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
		Kejohanan	Kejohanan Lumba Berbasikal Pesta Pulau Pinang 2023	Timur Laut & SPS
			Kejohanan Lumba Berbasikal Pesta Pulau Pinang 2024	
16	Bina Badan	Pencarian Bakat		
		Kejohanan	Kejohanan Bina Badan Me Penang 2024	Timur Laut
17	Bola Jaring	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
			Pencarian Bakat Daerah	Barat Daya
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Utara
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Selatan
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai tengah
		Kejohanan	Karnival Sukan Madani Rakyat Peringkat Zon Utara 2024	Timur Laut
			Kejohanan Bola Jaring Telekom Malaysia (KASTEL) 2024	Timur Laut
			Kejohanan Bola Jaring Pantai Hari Muzium Antarabangsa 2024	Timur Laut
Kejohanan Bola Jaring Suka Gemaputera XVII Pulau Pinang 2024	Timur Laut			

18	Bola Keranjang	Pencarian Bakat	U15	Barat Daya & Seberang Perai Selatan
			U17	Barat Daya & Seberang Perai Selatan
			U15	Barat Daya & Seberang Perai Selatan
		Kejohanan	U14 Premier Cup 2023/2024	Barat Daya & SPS
			U17 Premier Cup 2024	Barat Daya & SPS
			U15 Premier Cup 2024	SPT & Timur Laut
			U14 Premier Cup 2024	Timur Laut & SPS
Karnival Sukan Madani 2024	Barat Daya			
Penang Open Premier Cup	SPU & Barat Daya			
19	Squash	Pencarian Bakat	Karnival Bakat	Timur Laut
		Kejohanan	Penang Junior Closes	Timur Laut
			Penang Squash & Squash 57 Closes	Timur Laut
			CIMB National Junior Circuit 1st Leg	Timur Laut
			PBA 20th Penang (Malaysia) Junior Open 2024	Timur Laut
			Penang Masters Open 2024	Timur Laut
20	Taekwondo	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
		Kejohanan	RTS Peringkat Kebangsaan	Timur Laut
	Sukan Madani Taekwondo 2024		Timur Laut	
	Tenpin Bowling	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai tengah
		Kejohanan	Penang Pesta International Bowling Championship 2023	Seberang Perai tengah
			13th Georgetown Durian Masters 2024	Timur Laut
			18th Sirkuit Piala Raya Milo 2024	Seberang Perai tengah
	Penang Closed Singles Classic 2024	Seberang Perai tengah		
21	Tinju	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
		Kejohanan	Kejohanan Pesta Tinju Antarabangsa Pulau Pinang 2023	Timur Laut
22	Woodball	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Utara
		Kejohanan	Kejohanan Woodball Kebangsaan 2024	Seberang Perai Utara
			Kejohanan Woodball Tertutup 2024	Seberang Perai Utara

23	Kriket	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
			Pencarian Bakat Daerah	Barat Daya
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Utara
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Selatan
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai tengah
		Kejohanan	Hong Kong- Malaysia :U19 Bilateral Series 2024	Timur Laut
			28th PSC International Cricket 6' 2024	Timur Luat
			Penang Devision 1- T20 Tournament 2024	Timur Laut
			Dr Rd Naidu Cricket Trophy 2024	Seberang Perai Selatan
24	Memanah	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
			Pencarian Bakat Daerah	Barat Daya
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Utara
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Selatan
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Tengah
		Kejohanan	Kejohanan Mini Menora	Seberang Perai Utara
			Intergame Training Centre	Timur Laut
			KKM Latihan Strategik 2024	Timur Laut
			Penang Archery Championship	Timur Laut
			Kejohanan Memanah Wanita Kebangsaan 2024	Timur Laut
25	Mendaki	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
			Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
26	Judo	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
			Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
			Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
			Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
			Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
		Kejohanan	Penang Invitational Judo Chjampionship 2023	Barat Daya
			Penang Judo Championship Circuit 1 2024	Timur Laut
			Kid and Youth Kata Competition 2024	Timur Laut
			Chung Ling Private High School International Judo Championship	Timur Laut
		Pennag Judo Championship Circuit 2024	Timur Laut	

27	Menembak	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
28	Muay Thai	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
			Pencarian Bakat Daerah	Barat Daya
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Utara
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Selatan
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai tengah
		Kejohanan	Kejohanan Muaythai Antarabangsa 2023	Timur Laut
Kejohanan Muaythai Negeri Pulau Pinang	Seberang Perai tengah			
Kejohanan Muaythai Tertutup Pulau Pinang	Seberang Perai tengah			
29	Olahraga	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	Barat Daya
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai tengah
			Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
		Kejohanan	Kejohanan Pembangunan Olahraga Negeri Pulau Pinang	Timur Laut
			Penang Junior Walking Championship 2024 Siri 1	Seberang Perai tengah
			Penang Junior Walking Championship 2024 Siri 2	Barat Daya
			Penang Junior Walking Championship 2024 Siri 3	Timur Laut
			Annual Round The Island Relay 2023	Timur Laut & Barat Daya
			Tanjung 10kn Run 2024	Timur Laut
			Kejohanan Karnival Hari Muzium Antarabangsa	Timur Laut
Kejohanan Penang Track and Field 2024 Olahraga Masters	Timur Laut			
30	Kabaddi	Pencarian Bakat	Tiada	
		Kejohanan	Kejohanan Pesta Kabaddi	Barat Daya
31	Karate	Pencarian Bakat	Tiada	
		Kejohanan	Kejohanan Karate Qoshin-Ryu (Timur Laut) 2024	Barat Daya
32	Mendayung	Pencarian Bakat	Kejohanan Karate Okiniva Goyu Ryu (SPS) Terbuka 2024	Seberang Perai tengah
			Pencarian Bakat Daerah	Barat Daya
			Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
			Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Utara
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai tengah
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai tengah
Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai tengah			

		Kejohanan	2024 Asian Rowing Indoor Championship	Timur Laut
			2024 Penang Rowing International Indoor Championship	Timur Laut
			Kejohanan Indoor Rowing Malaysia Madani	Timur Laut
			Kejohanan Indoor Rowing Sempena Karnival Penang Community Day 2024 Fitness Challenge	Timur Laut
			Kejohanan Indoor Rowing Antara Sekolah 2024	Timur Laut
33	Ping Pong	Pencarian Bakat	Pencarian Bakat Daerah	Timur Laut
			Pencarian Bakat Daerah	Barat Daya
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Utara
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai Selatan
			Pencarian Bakat Daerah	Seberang Perai tengah
		Kejohanan	Kejohanan KASTEL 2024	Timur Laut
			PTTA Hope Table Tennis Invitational Championship 2024	Timur Laut
			PTTA Novice Table Tennis Invitational Championship 2024 Circuit 1	Timur Laut
			PTTA Novice Table Tennis Invitational Championship 2024 Circuit 2	Timur Laut
			PTTA Youth Invitational Table Tennis Championship 2024	Timur Laut
			Kejohanan Ping Pong Perseorangan Pelapis 2024	Timur Laut
			Penang Open 2024	Timur Laut
			Kejohanan Ping Pong Antara Sekoalh Piala Ketua Menteri 2024	Timur Laut

Sumber : Daripada oleh Persatuan Sukan Negeri

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

10. Untuk program pengurangan burung gagak, berikan statistik setakat tahun 2024 di daerah-daerah di Negeri Pulau Pinang.
- (a) Adakah terdapat cara lain untuk mengurangkan masalah burung gagak ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Statistik burung gagak sehingga tahun 2024 mengikut daerah adalah seperti berikut:

KAEDAH KAWALAN	DAERAH					JUMLAH
	TIMUR LAUT	BARAT DAYA	SEBERANG PERAI UTARA	SEBERANG PERAI TENGAH	SEBERANG PERAI SELATAN	
Perangkap	12,473	4,122	248	238	0	17,081
Operasi Menembak, Ops Cross	3,776	1,324	4,870	7,468	3,896	21,334
Meracun/ Cangkuk Sarang, Search, Remove & Destroy (SRD)	1,029	612	0	331	161	2,133
JUMLAH	17,278	6,058	5,118	8,037	4,057	40,548

- (a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sedang meneliti kaedah dan solusi yang berkesan dalam mengurangkan populasi burung gagak di negeri ini. Justeru itu, PBT telah mengambil pendekatan dengan **mencantas dahan-dahan pokok** di sepanjang jalan untuk mengurangkan tempat hinggapan atau hurungan gagak dan melaksanakan aktiviti *Community, Education and Public Awareness* (CEPA) yang memfokuskan punca infestasi burung seperti pembuangan sampah haram dan pemberian makanan di tempat awam.

Selain itu, PBT juga sedang giat menjalankan **kajian dan penyelidikan** yang dirancang selama **tujuh (7) tahun** bersama Universiti Sains Malaysia (USM) bagi mendapatkan data spesifik yang akan memandu perancangan serta pelaksanaan tindakan pencegahan dan kawalan burung gagak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XV)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

11. Berapa ramaikah penjawat awam di Pulau Pinang yang tidak membuat bayaran zakat melalui pemotongan gaji dan apakah justifikasi mereka?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Berdasarkan rekod di sistem gaji Kerajaan Negeri bagi bulan April 2025, seramai 1,022 daripada 3,982 penjawat awam mempunyai potongan zakat.

Bayaran zakat tidak menjadi medan wajib untuk dibuat potongan di dalam sistem gaji Kerajaan Negeri. Kaedah bayaran zakat merupakan pilihan individu antaranya melalui potongan gaji selain lain-lain kaedah yang ditetapkan oleh Badan Pengurusan Zakat.

Namun, Kerajaan Negeri telah pun mengeluarkan surat Seruan Kewajipan Pembayaran Zakat Pendapatan Melalui Potongan Gaji Bagi Kakitangan Kerajaan/ Badan Berkanun/ Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang Beragama Islam dan Berkhidmat di Negeri Pulau Pinang pada 6 Mei 2025 bagi menggalakkan seluruh kakitangan melaksanakan kewajipan zakat pendapatan melalui potongan gaji bulanan kepada Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XV)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

12. Senaraikan syarikat-syarikat yang diberi pengecualian daripada membayar cukai hiburan kepada Kerajaan Negeri.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Semua pengusaha hiburan yang mempunyai lesen hiburan adalah tertakluk untuk membayar cukai hiburan kepada Kerajaan Negeri mengikut kadar yang ditetapkan berdasarkan kategori hiburan.

Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui perintah mengecualikan, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana difikirkannya patut, apa-apa hiburan daripada keseluruhan bayaran atau apa-apa bahagian bayaran duti hiburan seperti yang termaktub di dalam Seksyen 12(2) Akta Duti Hiburan 1953.

Pada masa ini, hanya satu pengusaha hiburan yang diberi pengecualian daripada membayar cukai hiburan iaitu Magnificent Empire Sdn Bhd (The Top KOMTAR) sehingga Ogos 2030.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XV)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

13. Berapakah jumlah lot-lot tanah yang dirampas oleh Kerajaan Negeri mengikut daerah kerana tidak membayar cukai tanah, sebab-sebab mereka tidak membayar cukai dan tidak mengikut prosedur sebelum rampasan dibuat.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. Jumlah tanah yang telah dirampas di bawah Seksyen 97 dan 100 KTN (Akta 828) di semua daerah Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 400 hak milik. Perincian adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Jumlah Tanah Yang Dirampas Di Bawah Seksyen 97 & 100 Kanun Tanah Negara (Akta 828) Mengikut Daerah Di Pulau Pinang Sejak Tahun 2020

DAERAH	TAHUN						JUMLAH HAKMILIK
	2020	2021	2022	2023	2024	2025	
PDTSPU	0	10	3	14	48	5	80
PDTSPS	1	9	5	10	78	0	103
PDTSPPT	25	12	7	18	13	0	75
PDTDTL	0	18	3	26	19	0	66
PDTDBD	7	12	5	5	47	0	76
JUMLAH	33	61	23	73	205	5	400

Berdasarkan rekod pemantauan, antara sebab cukai tidak dijelaskan adalah seperti berikut:

- (i) Pemilik lot tidak mengemas kini alamat di atas bil cukai dan bil dihantar ke alamat lama;
- (ii) Bil cukai dihantar kepada pemaju dan pihak pemaju tidak mengemas kini alamat pemilik/pembeli mengikut lot yang dibeli;
- (iii) Lot/rumah kediaman kosong yang telah ditinggalkan oleh pemilik dan pemilik tidak dapat dikenal pasti;
- (iv) Pemilik asal telah meninggal dunia dan waris tidak menjelaskan cukai;
- (v) Tanah-tanah milik syarikat yang telah digulungkan di bawah Akta Syarikat 2016 dan Akta Insolvensi 1967;
- (vi) Pemilik kediaman yang keliru antara cukai tanah dan cukai taksiran;
- (vii) Tanah-tanah yang patut serah di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) tetapi tidak diserahkan dan cukai masih aktif; dan
- (viii) Lot-lot yang terlibat dengan kes mahkamah.

Cukai tanah atau bayaran sewa adalah merupakan satu perjanjian antara Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan pemilik tanah semasa pemberimilikan tanah kepada pemilik. Kadar cukai tanah atau sewa ini tertera dengan jelas dalam dokumen hak milik tanah yang diberikan kepada pemilik tanah. Pengeluaran bil cukai tanah kepada pemilik adalah amalan secara pentadbiran sahaja sebagai peringatan untuk pemilik-pemilik tanah membayar cukai tanah atau sewa ini kepada PBN mulai 1 Januari sehingga 31 Mei setiap tahun.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XV)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

14. Senaraikan jumlah dan semua jenis percukaian yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Terdapat lima (5) jenis percukaian yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2025. Butiran jumlah cukai adalah seperti berikut:

BIL.	CUKAI	ANGGARAN (RM)	HASIL SEBENAR (sehingga 25 April 2025) (RM)
1.	HASIL CUKAI		
i.	Cukai Tanah Semasa / Berulang	124,926,385.00	60,674.047.64
ii.	Cukai Tanah Tahun Pertama	4,767,815.00	3,207,782.7
iii.	Cukai Petak Semasa	15,601,012.00	8,534,837.87
iv.	Tunggakan Cukai Petak	7,493,491.00	1,373,887.19
v.	Tunggakan Cukai Tanah	21,779,934.00	3,680,002.61
2.	CUKAI PARIT DAN TALI AIR		
i.	Cukai Parit dan Tali Air	132,885.00	50,796.80
ii.	Tunggakan Cukai Parit dan Tali Air	220,602.00	47,990.40
iii.	Cukai Parit Memarit	872,091.00	276,875.87

3.	CUKAI HIBURAN		
i.	Cukai Tiket Wayang	26,000,000.00	2,134,351.44
ii.	Cukai Tiket Taman Tema	15,553,324.00	865,830.96
iii.	Cukai Tiket Pertunjukan Hiburan	100,000.00	0.00
iv.	Cukai Tiket Permainan Hiburan	300,000.00	42,290.00
v.	Cukai Hiburan Kelab Malam	3,000,000.00	112,895.00
vi.	Cukai Pertunjukan / Pementasan Pentas	300,000.00	1,383.00
vii.	Tunggakan Cukai Hiburan	0.00	214,731.20
viii.	Cukai Hiburan - Coffee House	2,400,000.00	51,660.00
ix.	Cukai Hiburan - Lumba Kuda	200,000.00	33,010.37
x.	Cukai Hiburan Yang Lain	100,000.00	0.00
4.	CUKAI LANGSUNG YANG LAIN		
i.	Pelbagai Cukai Langsung Yang Lain	500.00	0.00
5.	ROYALTI		
i.	Royalti Batu Batan	500.00	0.00
JUMLAH KESELURUHAN		223,648,639.00	81,302,373.05

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XV)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

15. Mohon maklumat mengenai tanah-tanah di Mukim 21 dan Mukim 18 SPT yang telah diambil kerajaan untuk pembinaan jalan raya yang tidak dibayar pampasan.
- (a) Apakah tindakan yang telah diambil?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

15. Isu pengambilan tanah di Mukim 21 iaitu Jalan Guar Jering adalah masih di peringkat permohonan bajet untuk cadangan penyelesaian bayaran pampasan yang tidak selesai.

Bagi isu pengambilan tanah di Mukim 18 iaitu di Jalan Berapit, perkara ini masih di peringkat pengurusan kes di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang.